

Newspaper

Berita Harian

Date

1 March 2016

# 'Najib mampu corak masa depan negara'



Najib bersama Abdullah pada majlis pelancaran buku *'Najib Razak Berjiwa Besar - Empat Dekad Menongkah Arus Kepimpinan dan Politik (1976 - Kini)'* yang turut dihadiri Rosmah di ibu negara, semalam.

(FOTO BERNAMA)

» Pak Lah yakin transformasi digarap bawa Malaysia ke pentas lebih tinggi

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**B**ekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yakin Datuk Seri Najib Razak berpeluang mencorakkan masa depan ne-

gara sebagai legasi kerjaya politik beliau.

Abdullah berkata, sejak Najib mengambil alih kepemimpinan negara daripadanya, banyak transformasi yang digarap bagi membawa Malaysia ke pentas yang lebih tinggi.

Katanya, transformasi itu bukan hanya omongan kosong, tetapi sedang dilaksanakan dan mencapai pelbagai kejayaan.

### Identiti utuh

Beliau berharap Perdana Menteri memberi perhatian termasuk memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara dengan identiti yang utuh, muncul sebagai sebuah negara yang mempunyai tenaga kerja mahir dan tinggi produktiviti selepas 2020.

Masa depan negara kita terletak di bahu seorang pemimpin yang kita raikan pada hari ini. Tindakan, perancangan dan kepimpinan yang dibawa Najib di penghujung perjalanan politik bakal menjadi penentu kepada sebuah permulaan perjalanan panjang Malaysia tatkala kita menuju ke arah 100 tahun merdekanya bumi bertuah ini.

"Saya yakin Najib akan terus memberikan yang terbaik untuk negara kita.... buatlah perkara yang betul bukan hanya untuk menyambung legasi kepemimpinan Tun Abdul Razak, tetapi untuk mencorak masa depan Malaysia melangkaui dekad ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan maj-

lis pelancaran buku *Najib Razak Berjiwa Besar - Empat Dekad Menongkah Arus Kepimpinan dan Politik (1976 - Kini)* di sini, semalam.

Majlis itu turut dihadiri Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Buku terbitan Yayasan Penyelidikan Transformasi (FORT) setebal 467 muka surat itu ditulis Pengerusi FORT, Prof Datuk Seri Dr Khairil Anad Jusoh dan Dr Sabri Mohamad Sharif.

**Sambung legasi Tun Razak**  
Abdullah berkata, Najib mencemburi politik bagi menyambung legasi Abdul Razak, meninggalkan cita-cita dan perancangan yang dibuat untuk menggalas tanggungjawab dan amanah demi rakyat.

Beliau berkata, hasil kesabaran berdekad lamanya dengan pengalaman cukup luas, perjalanan politik Najib lengkap mengisi jawatan yang pernah disandang Abdul Razak.

"Sebagai seorang ayah, saya yakin dan percaya jika Allahyarham Tun Razak masih ada bersama kita pada hari ini, beliau pasti cukup berbangga dengan apa yang dicapai oleh anak sulungnya dalam mengisi ruang cukup besar yang ditinggalkan beliau.

"Jawatan Perdana Menteri bukanlah sebuah destinasi, tetapi sebuah perjalanan bahu-ru dengan tanggungjawab yang berat dan cabaran yang lebih hebat," katanya.

Pada akhir ucapannya, Abdullah menasihatkan Najib supaya berpegang teguh kepada prinsip perjuangan ditinggalkan bapanya.

Sementara itu, pada majlis sama, Najib mengimbau perjalanan dan perjuangan politiknya selama 40 tahun lalu menerusi deklamasi sajak *Co-retan Empat Dekad (1976 - Kini)*.